

21/06/2001

PM sampaikan hadiah peraduan Venture 2001

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan hadiah bagi 10 pelan perniagaan yang dipilih sebagai terbaik oleh panel hakim dalam pertandingan Venture 2001.

Majlis penyampaian hadiah itu akan diadakan di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 28 Jun dan Perdana Menteri adalah penaung pertandingan itu yang menarik 447 pelan perniagaan dalam sektor teknologi maklumat, internet dan e-niaga.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam, pertandingan tiga peringkat itu, yang pertama seumpamanya diadakan di negara ini, bermula pada 7 November tahun lalu dan berakhir pada 25 Mei lalu

Tiga pemenang tertinggi pertandingan itu akan menerima hadiah wang tunai RM30,000, RM20,000 dan RM10,000 setiap satu manakala baki tujuh pemegang akan menerima saguhati RM5,000 setiap satu.

(END)